

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI  
RAYER A/L RAJAJI  
(JELUTONG)**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan mengenai penyelenggaraan dan pemulihan perkhidmatan feri Pulau Pinang.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang telah diambil alih semula oleh Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) bermula 1 Januari 2021 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 18 Disember 2019.
2. Selaras dengan pengambilalihan semula oleh pihak PPSB, feri-feri lama telah dihentikan operasi berikutan kondisi feri-feri tersebut yang terlalu usang serta tidak lagi efektif dan selamat untuk terus beroperasi bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang. Dalam hubungan ini, Pihak Berkuasa Pelabuhan iaitu Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan juga operator pelabuhan, iaitu PPSB telah merencana penaiktarafan fasiliti pelabuhan dan juga sistem operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang.
3. Pihak PPSB juga sedang dalam proses untuk melaksanakan model perniagaan perkhidmatan feri yang baharu di mana feri-feri baharu jenis '*water bus*' dan '*vehicle transporter*' bakal digunakan bermula penghujung tahun 2022 secara berperingkat.
4. Sehubungan dengan itu, semasa tempoh peralihan atau interim ini, operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang adalah menggunakan feri yang disewa oleh pihak PPSB bagi membawa penumpang pejalan kaki dan penumpang dengan kenderaan beroda dua (motosikal dan basikal). Penyelenggaraan feri-feri sewaan tersebut dilaksanakan secara berjadual sepetimana berikut:
  - a) Penyelenggaraan dilakukan sekali sebulan untuk feri penumpang pejalan kaki; dan
  - b) Penyelenggaraan dilaksanakan selepas tamat operasi pada jam 10.00 malam setiap hari bagi feri kenderaan beroda dua.

5. Dengan pengenalan perkhidmatan feri baharu yang bakal dilaksanakan, Kerajaan Persekutuan akan memastikan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang kekal relevan dan memenuhi kehendak pengguna. Kerajaan Persekutuan turut memberi jaminan bahawa operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang akan diteruskan tanpa sebarang halangan demi kesejahteraan rakyat Malaysia dan rakyat Pulau Pinang, secara khususnya.